**Kempen Tahun Baru Cina 2021**

<table>
<tr><th>No</th><th>Soalan</th><th>Jawapan</th></tr>
<tr><td>Q1</td><td>Apakah tawaran yang disediakan bersempena Kempen Tahun Baru Cina 2021 PETRONAS – Power of Joy?</td><td>PETRONAS Dagangan Berhad (PDB) akan menawarkan pelbagai tawaran istimewa untuk kongsikan kegembiraan sepanjang perayaan Tahun Baru Cina ini.<br><br>Melalui kempen ini, tawaran-tawaran yang terdapat adalah seperti berikut:
<table>
<tr><th>No</th><th>Kempen</th><th>Tempoh</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Love Local: Tawaran produk tempatan bagi setiap pembelian bernilai RM30 (https://lovelocal.com.my/)</td><td>5hb Dis 2020 – 28hb Feb 2021</td></tr>
<tr><td>2</td><td><u>Promosi istimewa Tahun Baru Cina</u><br>Belanja RM30 untuk PETRONAS Primax 95 dengan Pro-Drive atau PETRONAS Primax 97 dengan Pro-Race di stesen PETRONAS. Pelanggan akan menerima e-baucar bernilai RM1 untuk perbelanjaan di Kedai Mesra.(https://lovelocal.com.my/)</td><td>10hb Feb 2021 – 28hb Feb 2021</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Promosi Kedai Mesra: Penjimatan di Luar Jangkaan bagi produk terpilih.</td><td>1hb Jan 2021 – 28hb Feb 2021</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Makan@Mesra: Kemeriahan Tahun Baru Cina dengan produk perayaan Makan@Mesra</td><td>10hb Feb 2021 – 10hb Apr 2021</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Mesra Rewards: Tebus tawaran daripada Setel dan berpeluang untuk memenangi hadiah - hadiah menarik</td><td>5hb Feb 2020 – 31hb Mac 2021</td></tr>
<tr><td>6</td><td>Setel Your Huat: Rujuk 3 rakan dan terima RM30 Setel kredit. Pada setiap minggu, terdapat juga 88 perujuk yang bertuah yang akan berpeluang memenangi e-baucar GrabFood atau Tesco.</td><td>2hb Feb 2021 – 31hb Mac 2021</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td colspan="3">PROMOSI ISTIMEWA TAHUN BARU CINA – E-baucar RM1 untuk Kedai Mesra</td></tr>
<tr><td>Q2</td><td>Siapakah yang layak untuk menyertai kempen ini?</td><td>Kempen ini terbuka kepada semua pengunjung stesen PETRONAS di seluruh negara.</td></tr>
<tr><td>Q3</td><td>Bilakah tempoh kempen ini akan berlangsung?</td><td>10 Februari hingga 28 Februari 2021.</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| **Q4** | Adakah semua stesen PETRONAS terlibat dengan kempen ini? | Ya. |
| **Q5** | Berapakah jumlah e-baucar yang ditawarkan? | Sebanyak 80,000 e-baucar RM1 ditawarkan sepanjang tempoh kempen berlangsung. Penebusan e-baucar bernilai RM1 dilaman web Love Local adalah berdasarkan *'first come first serve'*. |
| **Q6** | Bagaimanakah cara menyertai kempen ini? | Pelanggan mestilah membuat pembelian minima RM30 untuk minyak PETRONAS Primax 95 with Pro-Drive atau PETRONAS Primax 97 with Pro-Race terlebih dahulu di mana-mana stesen PETRONAS.<br><br>Setelah itu, pelanggan perlu mengimbas kod QR di stesen PETRONAS sebelum melayari laman web Love Local untuk mendapatkan kod baucar. (https://lovelocal.com.my/)<br><br>Menerusi laman web Love Local, pelanggan **perlu memilih tawaran RM1 Kedai Mesra** dan seterusnya akan dibawa ke laman penebusan baucar Pay's Gift secara atas talian. (https://privilege.paysgift.com/)<br><br>Menerusi laman penebusan baucar Pay's Gift, pelanggan perlu mengisi borang yang tertera dengan menggunakan kod istimewa.<br><br>Pelanggan akan menerima pengesahan e-baucar '*RM1 Cash e-Voucher for Kedai Mesra*' melalui SMS.<br><br>Untuk menikmati e-baucar RM1 di Kedai Mesra, pelanggan mestilah membeli barangan di Kedai Mesra dan menunjukkan e-baucar '*RM1 Cash e-Voucher for Kedai Mesra*' kepada juruwang semasa membuat pembayaran.<br><br>Juruwang akan mengimbas kod bar pada e-baucar tersebut dan pelanggan boleh menikmati diskaun RM1 bagi pembelian barangan Kedai Mesra. Penebusan e-baucar RM1 untuk Kedai Mesra hanya tertakluk kepada barang-barang yang dibeli dari Kedai Mesra sahaja kecuali rokok, "Prepaid Top up", Touch & Go dan transaksi ePay. Penebusan terhadap minyak, diesel dan gas NGV juga adalah tidak sah.<br><br>Sekiranya e-baucar RM1 untuk Kedai Mesra ditebus keatas barangan yang nilainya kurang daripada RM1, baki daripada penebusan itu tidak akan dipulangkan kepada pelanggan.<br><br>**Proses penebusan e-baucar adalah sama seperti proses penebusan e-baucar yg sedia ada distesen sekarang.* |

| | | |
|---|---|---|
| **Q7** | Bagaimanakah pelanggan boleh mendapatkan maklumat tentang kempen ini? | Pelanggan boleh mendapatkan maklumat tentang kempen ini melalui rangkaian digital seperti media sosial PETRONAS Brands, laman web MyMesra dan kod QR yang akan dipaparkan di stesen PETRONAS. |
| **Q8** | Adakah pelanggan mesti memiliki Kad Mesra? | Tidak, pelanggan tidak diwajibkan memiliki Kad Mesra. |
| **Q9** | Pembelian minyak yang manakah layak untuk menebus e-baucar? | Pembelian minyak PETRONAS Primax 95 with Pro-Drive dan PETRONAS Primax 97 with Pro-Race sahaja yang layak menebus e-baucar. |
| **Q10** | Berapakah jumlah perbelanjaan minima bagi kempen ini? | Syarat untuk pelanggan mendapatkan e-Baucar RM1 Kedai Mesra adalah dengan berbelanja minima sebanyak RM30 dalam satu resit ke atas mana-mana minyak yang telah dinyatakan di Q9.<br><br>Tiada perbelanjaan minimum yang diperlukan untuk pelanggan menebus e-baucar RM1 untuk produk Kedai Mesra, namun untuk pembelian kurang daripada RM1, ia masih akan dijumlahkan sebagai RM1. |
| **Q11** | Berapakah jumlah e-baucar yang boleh ditebus bagi setiap pembelian minima RM30 dalam satu resit? | Untuk setiap pembelian minima RM30 dalam satu resit, pelanggan boleh menebus satu (1) e-baucar RM1 sahaja dan harus ditebus di laman web Love Local. |
| **Q12** | Sekiranya pembelian adalah RM60 dalam satu resit, adakah pelanggan akan menerima dua (2) e-baucar RM1? | Tidak. Sekiranya pembelian tersebut bernilai RM60 dalam satu resit, pelanggan hanya tetap boleh menebus satu (1) e-baucar RM1 sahaja. |
| **Q13** | Apakah jenis pembayaran yang sah untuk pembelian minyak minima RM30? | Pelanggan boleh membuat pembelian minyak minima sebanyak RM30 sama ada secara tunai, kad debit/kredit atau melalui aplikasi Setel sahaja. Pembayaran Smartpay adalah tidak sah. |
| **Q14** | Adakah pembayaran menggunakan SmartPay diterima bagi menebus e-baucar? | Tidak. Pembayaran melalui SmartPay tidak diterima dan sah untuk menebus tawaran RM1 e-baucar Kedai Mesra. |
| **Q15** | Adakah e-baucar RM1 boleh digunakan untuk menebus minyak? | Tidak. Penebusan e-baucar RM1 hanyalah tertakluk kepada pembelian barang-barang yang boleh dibeli dalam Kedai Mesra kecuali rokok, “Prepaid Top up”, Touch & Go dan transaksi ePay.<br><br>Penebusan e-baucar RM1 bagi pembelian minyak, diesel dan gas NGV adalah tidak sah. |

| | | |
|---|---|---|
| **Q16** | Adakah pelanggan akan menerima baki jika barang yang ditebus adalah kurang nilainya daripada RM1? | Tidak. Pelanggan tidak akan menerima baki jika barangan yang ditebus menggunakan e-baucar RM1 adalah kurang dari RM1. Semua barangan yang kurang nilainya daripada RM1 dijumlahkan sebagai RM1. |
| **Q17** | Adakah kempen ini terbuka kepada kakitangan PETRONAS? | Ya. Kakitangan PETRONAS berhak menikmati tawaran ini. |